

5,000 berpeluang saksikan fenomena burung pemangsa

PORT DICKSON: Lebih 5,000 pengunjung termasuk dari luar negara dijangka memenuhi kawasan Tanjung Tuan di sini, pada 10 dan 11 Mac ini sempena Hari 'Raptor Watch' 2012 yang menyaksikan ribuan burung pemangsa singgah di kawasan itu.

Ketua Komunikasi Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Andrew J Sebastian, berkata pengunjung berpeluang menyaksikan fenomena itu dari jarak dekat kerana kedudukan Tanjung Tuan yang tinggi.

"Setiap tahun pada pertengahan Februari hingga akhir Mac, ribuan burung pemangsa pelbagai jenis bermigrasi ke selatan dari tempat asal mereka di utara termasuk Siberia,

China, Korea dan Jepun untuk melarikan diri dari musim sejuk.

"Menariknya, mereka menjadikan Tanjung Tuan sebagai laluan wajib kerana kedudukan hutan daranya yang hampir dengan laut, membolehkan mereka berlindung dan mencari makanan," katanya pada sidang media di sini.

Beliau berkata, fenomena itu sentiasa dinantikan peminat burung serata dunia dan ada antara mereka sanggup datang ke Malaysia untuk menyaksikannya sendiri.

Menceritakan fenomena di Tanjung Tuan itu, Andrew berkata, keajaiban alam itu berlaku sejak ribuan tahun lalu kerana burung pemangsa yang bermigrasi terbang meluncur menggunakan udara panas yang di-



Setiap tahun pada pertengahan Februari hingga akhir Mac, ribuan burung pemangsa pelbagai jenis bermigrasi ke selatan dari tempat asal mereka di utara termasuk Siberia, China, Korea dan Jepun untuk melarikan diri dari musim sejuk



Andrew J Sebastian
Ketua Komunikasi Persatuan
Pencinta Alam Malaysia

temui dari satu lokasi ke lokasi lain.

Tanjung Tuan adalah lokasi penting untuk burung mendapatkan udara panas apabila tiba dari Pulau Rupa, Sumatera untuk meneruskan perjalanan ke destinasi mereka.

Bilangan burung yang datang ke Tanjung Tuan hanya mula direkodkan pada 1960-an dengan bilangan purata lebih 300,000 ekor.

Namun, kini bilangan itu semakin berkurangan akibat masalah pencemaran dan penerokaan hutan seluruh dunia yang menjejaskan kelangsungan hidup pemangsa itu.

Tahun lalu, sukarelawan MNS merekodkan 57,000 burung melalui kawasan itu, berbanding 73,000 ekor tahun sebelumnya.

"Bagaimanapun, data itu tidak

boleh dijadikan rujukan untuk kita mengatakan bilangannya semakin berkurangan secara saintifik kerana ia memerlukan data selama 20 tahun untuk perbandingan.

"Kita optimis bilangan burung yang melalui Tanjung Tuan akan meningkat setiap tahun dengan komitmen kerajaan mengekalkan status kawasan itu sebagai hutan simpan dan tidak membenarkan sebarang aktiviti pembangunan," katanya.

Sementara itu, acara memerhati burung terbesar di rantau ini akan diadakan di PNB Ilham Resort dengan pelbagai aktiviti menarik disediakan penganjur termasuk meredah hutan, ceramah alam sekitar dan pameran burung.